

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]**

TARIKH : 8 NOVEMBER 2016 (SELASA)

SOALAN :

YB Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) bagaimanakah kerja-kerja persediaan untuk menghadapi banjir di hujung tahun terutamanya di negeri yang seringkali menghadapi masalah ini dan berapa agensi Kerajaan, badan NGO dan syarikat swasta akan terlibat dalam usaha ini dan anggaran jumlah peserta akan mengambil bahagian; dan
- (b) anggaran kos terlibat dan adakah peruntukan telah disediakan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi pengendalian tindak balas bencana dalam tempoh musim banjir kali ini, Kerajaan telah mengarahkan petugas-petugas daripada agensi penyelamat yang terdiri dari pegawai dan anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) supaya bersiap sedia untuk diatur gerak bagi pelaksanaan operasi pemindahan dan penyelamatan. Sebagai sokongan kepada operasi tindak balas ini, peralatan dan jentera milik agensi berkenaan juga telah dipertingkatkan dan diletakkan dalam keadaan siap siaga. Antaranya adalah lori (998 unit), kenderaan pacuan empat roda (1,882 unit) dan bot penyelamat (1,456 unit) sedia digerakkan bagi tujuan menyelamat dan memindah mangsa-mangsa yang terlibat dengan bencana banjir.

Bagi tempoh pengendalian musim banjir pada kali ini juga, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan 5,152 pusat pemindahan untuk menampung pemindahan lebih 1.6 juta mangsa dalam satu-satu masa. Selain itu, sebanyak lima (5) buah Depot Simpanan Keperluan Bencana telah diwujudkan mengikut zon iaitu di Kemumin (Kelantan), Marang (Terengganu), Bedong (Kedah), Sungai Buloh (Selangor) dan Muar (Johor). JKM juga telah menetapkan sebanyak 570 buah pangkalan hadapan serta melantik 1,157 pembekal setempat bagi menyokong kelangsungan penyampaian bekalan makanan dan keperluan asas kepada mangsa dengan segera.

Dalam hal ini juga, APM turut mewujudkan depoh-depoh simpanan bantuan bencana di lokasi-lokasi terpilih terutamanya di kawasan yang berisiko berlakunya banjir. Bagi memastikan kebajikan mangsa-mangsa bencana di pusat-pusat pemindahan, APM akan menyokong pihak JKM dalam melancarkan pengurusan terutama dalam aspek pendaftaran kemasukan mangsa ke pusat pemindahan dan menyelia pasukan-pasukan badan bukan Kerajaan (NGO) yang turut membantu.

Selari dengan usaha untuk memantapkan pengurusan bantuan bencana, NADMA selaku penyelaras utama telah menyediakan platform induk bagi menghubungkan rangkaian kerjasama di peringkat pusat bersama NGO untuk mengenal pasti keupayaan dan bentuk sumbangan bantuan yang boleh digembleng bagi membantu kebajikan mangsa-mangsa bencana. Kerajaan telah menganjurkan mesyuarat dan sesi khas bersama NGO serta badan-badan korporat bagi mendapatkan persefahaman dalam meningkatkan keberkesanan usaha penyampaian bantuan kepada mangsa bencana yang amat memerlukan khususnya di kawasan-kawasan sasaran. Sehingga kini, NADMA telah berhubung dan bekerjasama dengan lebih 40 buah NGO serta syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) , konglomerat dan koperasi.

Tuan Yang Di-Pertua

Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM5 juta daripada Tabung Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) sebagai persediaan untuk menghadapi bencana banjir pada tahun ini. Selain daripada itu, setiap kementerian dan jabatan yang terlibat juga mempunyai peruntukan sedia ada bagi menampung kos untuk menghadapi bencana pada tahun ini.

Sekian. Terima kasih.